



IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut di Yayasan Pelajaran Johor:

A. NAMA JAWATAN

BIL	JAWATAN / SKIM PERKHIDMATAN	GRED	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN	KADAR UPAH (RM)
1.	PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PERHUBUNGAN AWAM & KOMUNIKASI KORPORAT)	N29	2 ORANG	MySTEP	RM 1,900.00
3.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI)	N19	1 ORANG		RM 1,700.00

B. SYARAT LANTIKAN

- (i) Berumur :-
 - (a) Tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan bagi lantikan kali pertama dalam Kerajaan.
 - (b) Berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh tutup iklan bagi kenaikan pangkat secara lantikan.

C. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai – pegawai yang memasuki Skim Perkhidmatan yang berkenaan adalah tertakluk kepada syarat – syarat Skim Perkhidmatan tersebut yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

D. TARIKH IKLAN

07 NOVEMBER 2024 (KHAMIS) SEHINGGA 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

E. CARA PERMOHONAN

- i. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang YPJ 007 yang boleh diperolehi secara percuma di Pejabat Yayasan Pelajaran Johor**, No. 15, Bangunan YPJ, Jalan Nuri, Larkin Jaya, 80350 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim atau dari **Laman Web Rasmi Yayasan Pelajaran Johor**.
- ii. Sila nyatakan **nama jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul** berkenaan semasa mengembalikan borang permohonan.
- iii. Permohonan daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah Mengikut Peraturan 17, Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan 2005)

- iv. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran pasport dan salinan diakui sah dokumen-dokumen berikut :-
 - a. Kad Pengenalan
 - b. Sijil Kelahiran
 - c. Sijil-Sijil Persekolahan (SRP/PMR/PT3/SPM/STA/STPM/STAM)
 - d. Sijil Berhenti Sekolah Yang Terakhir
 - e. Diploma / Ijazah berserta transkrip penuh (jika berkaitan)

- v. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat berikut :

**Pengurus Besar
Yayasan Pelajaran Johor
No 15, Bangunan YPJ
Jalan Nuri, Kg. Dato' Onn Jaafar
Karung Berkunci 711
80990 Johor Bahru**

F. NOTA / CATATAN AM

- i. Setiap permohonan jawatan hendaklah menggunakan satu borang sahaja bagi setiap jawatan yang di pohon. Sekiranya permohonan jawatan lebih daripada satu hendaklah menggunakan borang yang berasingan.
- ii. Hanya calon – calon yang layak selepas tapisan dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil / dihubungi untuk ditemuduga.
- iii. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
- iv. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.
- v. Pegawai-Pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan disertakan dengan Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini.

**Pengurus Besar
Yayasan Pelajaran Johor**